

# **PROSEDUR PENSIJILAN GVHP**

1. Terima permohonan secara online melalui Sistem Informasi Hasil Ternakan (SIHAT) <http://sihat.dvs.my/sihat/>. Dokumen sokongan hendaklah dihantar kepada urusetia di Bhg. Diagnostik dan Kepastian Kualiti dalam tempoh 14 hari dari tarikh permohonan.
2. Lantik seorang pegawai bagi menjalankan audit dokumen.
3. Pegawai Audit periksa dan semak borang permohonan yang diterima bagi memastikan isi kandungan dan dokumen sokongan bagi setiap butiran di dalam borang permohonan mematuhi keperluan minima GVHP.
4. Sekretariat Skim Pensijilan DVS akan menghubungi pemohon sekiranya memerlukan maklumat atau dokumen tambahan yang berkaitan.
5. Lantik 2 (dua) Pegawai Audit bagi menjalankan audit keakuran.
6. Audit keakuran dijalankan merangkumi audit dokumen, QAP dan GMP, dan audit lapangan.
7. Pegawai Audit sedia dan bentang laporan kepada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS (JTSPDVS) untuk pertimbangan.
8. Jawatankuasa Penganugerahan Skim Pensijilan DVS (JPSPDVS) buat keputusan setelah meneliti laporan daripada Jawatankuasa Teknikal Skim Pensijilan DVS (JTSPDVS).
9. Pemohon yang lulus akan dimaklumkan melalui surat pemberitahuan kelulusan, No. GVHP dan syarat-syarat yang perlu dipatuhi.